

Rawat gigi guna laser

PADA suatu masa dahulu, berjumpa doktor gigi adalah antara pengalaman yang paling digeruni.

Ini kerana pesakit biasanya akan terbayang jarum yang besar untuk ditusuk ke gusi gigi dan 'penyepit' gigi yang besar untuk mencabut gigi.

Kini, teknologi moden telah mengubah proses merawat gigi, malah kini rawatan gigi sudah bertambah maju, hingga rasa sakit yang rasai pesakit adalah paling sedikit atau tiada langsung.

Perkembangan terbaru dalam rawatan gigi kini terdapat pada satu teknologi yang baru diperkenalkan buat pertama kali di sini oleh Dr Cheng Eng Wah dari I.Dental Surgeons Pte Ltd.

Ia melibatkan penggunaan rawatan laser *LiteTouch* yang dihasilkan oleh Syneron Medical, firma laser perubatan terbesar di dunia.

Rawatan laser pergigian ini menggunakan prosedur tusukan paling minimum demi memberikan rawatan "paling selamat, paling selesa dan berkesan" untuk pesakit,

menurut I.Dental Surgeons.


Ini termasuklah mengurangkan penggunaan anestesia (ubat bius) semasa prosedur rawatan, memelihara gigi yang strukturnya masih baik sambil mengelakkan kerosakan, mencegah kerosakan akibat bakteria dengan membunuh kuman, dan memelihara kesihatan gigi.

Selain itu, rawatan *LiteTouch* itu juga memastikan tahap ketidakelesaian pesakit adalah paling rendah semasa dan selepas rawatan dan pesakit pulih lebih cepat.

Antara kebaikan lain rawatan ini ialah:

- ▶ Tempoh janji temu lebih cepat dengan doktor gigi.
- ▶ Tiada bunyi penggerudian gigi yang menakutkan.
- ▶ Kurang lawatan ke klinik gigi kerana kurang kemungkinan jangkitan kuman atau komplikasi akibat luka.
- ▶ Kurang pendarahan dan bengkak.
- ▶ Kurang trauma pada gigi.
- ▶ Penggunaan pembasmi kuman.

Teknik rawatan ini boleh digunakan untuk pelbagai



TEKNIK RAWATAN GIGI KINI LEBIH CANGGIH: Antara rawatan terbaru ialah penggunaan laser pergigian yang mengurangkan rasa sakit rawatan gigi di tahap paling rendah. – Foto hiasan

prosedur merawat gigi dan gusi, termasuk memelihara gigi, memasang gigi baru (implan), merawat masalah gusi (periodontik), melakukan pembedahan tisu lembut dan tisu kasar, merawat gigi kanak-kanak dan remaja (pedodontik), merawat untuk kecantikan gigi, membaiki masalah gigi cacat atau gigi tiada (prostodontik), merawat masalah sekeliling akar gigi

(endodontik) dan merawat masalah di gigi seperti pengunyahan (ortodontik).

I.Dental Surgeons telah beroperasi di sini sejak lebih 21 tahun lalu dan merupakan sebuah firma pergigian keluarga yang mempunyai 16 orang doktor gigi dan jururawat.

Klinik-kliniknya terletak di Capital Tower, Ubi Avenue 1 dan Northpoint Shopping Centre di Yishun.

Rawatan laser pergigian ini menggunakan prosedur

tusukan paling minimum demi memberikan rawatan "paling selamat, paling selesa dan berkesan" untuk pesakit. Ini termasuk mengurangkan penggunaan anestesia (ubat bius) semasa prosedur rawatan, memelihara gigi yang strukturnya masih baik sambil mengelakkan kerosakan, mencegah kerosakan akibat bakteria dengan membunuh kuman, dan memelihara kesihatan gigi.

– I.Dental Surgeons.

SAJIAN BERITA

[MUKA DEPAN](#)

[SINGAPURA](#)

[DUNIA](#)

[SUKAN](#)

[EKSTRA!](#)

[KOMENTAR](#)

[FORUM](#)

[EKONIAGA](#)

ARKIB 7 HARI

Mudah cetak
E-mel

28 Dis 2010

EKSTRA!

TEKNOLOGI TERKINI

Rawat gigi guna laser

PADA suatu masa dahulu, berjumpa doktor gigi adalah antara pengalaman yang paling digeruni.

Ini kerana pesakit biasanya akan terbayang jarum yang besar untuk ditusuk ke gusi gigi dan 'penyepit' gigi yang besar untuk mencabut gigi.

Kini, teknologi moden telah mengubah proses merawat gigi, malah kini rawatan gigi sudah bertambah maju, hingga rasa sakit yang rasai pesakit adalah paling sedikit atau tiada langsung.

Perkembangan terbaru dalam rawatan gigi kini terdapat pada satu teknologi yang baru diperkenalkan buat pertama kali di sini oleh Dr Cheng Eng Wah dari I.Dental Surgeons Pte Ltd.

Ia melibatkan penggunaan rawatan laser LiteTouch yang dihasilkan oleh Syneron Medical, firma laser perubatan terbesar di dunia.

Rawatan laser pergigian ini menggunakan prosedur tusukan paling minimum demi memberikan rawatan 'paling selamat, paling selesa dan berkesan' untuk pesakit, menurut I.Dental Surgeons.

Ini termasuklah mengurangkan penggunaan anestetika (ubat bius) semasa prosedur rawatan, memelihara gigi yang strukturnya masih baik sambil mengelakkan kerosakan, mencegah kerosakan akibat bakteria dengan membunuh kuman, dan memelihara kesihatan gigi.

Selain itu, rawatan LiteTouch itu juga memastikan tahap ketidakselesaian pesakit adalah paling rendah semasa dan selepas rawatan dan pesakit pulih lebih cepat.

Antara kebaikan lain rawatan ini ialah:

- Tempoh janji temu lebih cepat dengan doktor gigi.
- Tiada bunyi penggerudian gigi yang menakutkan.
- Kurang lawatan ke klinik gigi kerana kurang kemungkinan jangkitan kuman atau komplikasi akibat luka.
- Kurang pendarahan dan bengkak.
- Kurang trauma pada gigi.
- Penggunaan pembasmi kuman.

Teknik rawatan ini boleh digunakan untuk pelbagai prosedur merawat gigi dan gusi, termasuk memelihara gigi, memasang gigi baru (implan), merawat masalah gusi (periodontik), melakukan pembedahan tisu lembut dan tisu kasar, merawat gigi kanak-kanak dan remaja (pedodontik), merawat untuk kecantikan gigi, membaiki masalah gigi cacat atau gigi tiada (prostodontik), merawat masalah sekeliling akar gigi (endodontik) dan merawat masalah di gigi seperti pengunyahan (ortodontik).

I.Dental Surgeons telah beroperasi di sini sejak lebih 21 tahun lalu dan merupakan sebuah firma pergigian keluarga yang mempunyai 16 orang doktor gigi dan jururawat.

Klinik-kliniknya terletak di Capital Tower, Ubi Avenue 1 dan Northpoint Shopping Centre di Yishun.

VODCAST CYBERITA



Uji Pandu Audi R8
2:13min



How Melayu are
you? 1:15min



Destinasi Romantis
5:27 min

newslink
Your Link to the Largest
Singapore News Archive.

EKSTRA!

- Berazam agar lebih sihat
- Penjelasan tentang ubat barah ginjal
- Rawatan 'pulihan' HIV ditemui
- Hobi jadi sumber \$\$\$
- Wanita digalak jalani pemeriksaan 'pap smear'
- Inilah antara 100 wajah paling cantik
- Insaf dan kagum: Dengan kesederhanaan hidup penduduk India dan kekayaan peninggalan sejarahnya
- Sumbangan anda dialu-alukan
- Pencapaian hebat
- Tyson mahu lebih komited dan dedikasi
- Aktres kongsi tip jaga rambut